



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN
SURAT ARAHAN KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 1 TAHUN 2017
PEMATUHAN DASAR KESELAMATAN ICT (DKICT) KPKT**

TUJUAN

1. Surat Arahkan ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan peraturan berhubung dengan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Versi 4.1.

LATAR BELAKANG

2. DKICT KPKT Versi 4.1 telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KPKT Bilangan 3 Tahun 2016 pada 9 Ogos 2016.

DASAR KESELAMATAN ICT KPKT

3. DKICT ini adalah terpakai kepada semua warga KPKT dan pihak ketiga selagi mana adanya hubung kait dengan penggunaan aset dan keselamatan ICT KPKT.

4. Dokumen DKICT ini akan dihebahkan melalui Laman Web KPKT, Intranet KPKT dan Sistem Pemantauan Pematuhan DKICT KPKT ([url: http://dkict.kpkt.gov.my](http://dkict.kpkt.gov.my)).

TANGGUNGJAWAB JABATAN/BAHAGIAN

5. Semua warga KPKT dan pihak ketiga di Jabatan/Bahagian/Unit adalah dikehendaki membaca, memahami dan akur akan peruntukan yang terkandung di dalam DKICT ini. DKICT ini juga menerangkan mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT KPKT.

SURAT AKUAN PEMATUHAN

6. Semua Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pengguna di Jabatan/Bahagian/Unit masing-masing untuk mematuhi DKICT KPKT Versi 4.1 dan mengesahkan akuan pematuhan DKICT tersebut secara dalam talian melalui Sistem Pemantauan Pematuhan DKICT KPKT. Manakala pihak ketiga (contohnya: pembekal, pakar runding dan individu yang dilantik untuk melaksanakan tugas di KPKT) hendaklah menandatangani Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT KPKT secara manual dan mengemukakan sesalinan kepada Bahagian Teknologi Maklumat.

TARIKH KUAT KUASA


7. Arahan dan peraturan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

8. Sehubungan itu, Surat Arahan Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2016 dan DKICT KPKT Versi 4.0 dengan ini dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”



DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

27 Februari 2017